

Siaran Akhbar

Memasak dengan Panasonic Cooking, Mencetus Seribu Kemungkinan

Kuala Lumpur, 20 November 2013 – Panasonic Malaysia hari ini melancarkan satu kempen komunikasi baru **Memasak dengan Panasonic Cooking, Mencetus Seribu Kemungkinan** untuk rangkaian produk Peralatan Dapur yang menjanjikan pengalaman masak-memasak yang menyeronokkan. Panasonic Cooking terdiri daripada peralatan dapur yang digunakan semasa menyediakan makanan dan proses memasak bagi menyajikan pelbagai pilihan makanan.

Panasonic Cooking berhasrat untuk mencetuskan rasa seronok dan membentuk ikatan yang teguh bersama insan tersayang. Hasrat ini tercapai melalui 3 perkataan utama, iaitu, Menjalin Hubungan, Sihat dan Mencipta, yang mana Panasonic bertujuan untuk **Menjalin Hubungan** ikatan kekeluargaan melalui tabiat pemakanan yang **Sihat**, menggunakan produk Panasonic Cooking untuk **Mencipta** sajian yang menyelerakan.

Sebagai sebuah syarikat yang mencorakkan trend di dalam industri Peralatan Dapur, Panasonic berbangga kerana dapat menjadi satu-satunya jenama yang menawarkan pelbagai Peralatan Memasak yang sesuai untuk pelbagai peringkat kemahiran. Memasak menjadi lebih mudah untuk semua warga Malaysia yang mengamalkan gaya hidup pesat, tetapi masih gemar menyediakan sajian enak untuk insan tersayang.

Hari ini, Panasonic akan melancarkan satu konsep baru yang menyegarkan untuk siri peralatan dapur, dikenali secara mesra sebagai **Panasonic Cooking** dengan beberapa tambahan baru seperti Mesin Espresso, Pemerah Jus Tiub Besar, Pengisar Tangan dan Cerek kepada barisan yang sedia teguh (cth. Ketuhar Gelombang Mikro, Dapur Induksi, Periuk Nasi dan Pengisar)

** Sila Rujuk Katalog untuk butir-butir Produk*

“Panasonic sentiasa menerajui pasaran dalam kategori Peralatan Dapur, menguasai pegangan pasaran tinggi untuk produk Peralatan utama seperti Ketuhar Gelombang Mikro pada 52%, Periuk Nasi pada 48% dan peralatan kecil lain pada kadar purata 34%” kata Cheng Chee Chung, Timbalan Pengarah Urusan Panasonic Malaysia.

“Di bawah kategori keseluruhan Peralatan Dapur, Panasonic Malaysia mensasarkan untuk mencapai kepimpinan pasaran sebanyak 37% bagi tahun 2013” tambah Cheng.

“Kami akan terus memperkenalkan barisan produk peralatan baru yang mengagumkan bagi penggemar dapur yang mendambakan reka bentuk unik lagi pintar, tanpa berkompromi ke atas kualiti dan kefungsiannya” tambah Cheng.

Sempena pelancaran Panasonic Cooking, Panasonic akan melabur RM 5 juta dalam pelbagai Aktiviti Pemasaran bagi menyebarkan Keseronokan Memasak. Berhasrat untuk mewujudkan gaya hidup moden dan mewah bagi para konsumen, Panasonic berazam untuk membezakan syarikat ini daripada jenama lain dengan menyediakan Penyelesaian Masakan lengkap melalui pelbagai peralatan dapur.

Satu bidang utama untuk kolaborasi bagi Panasonic Malaysia adalah siri Master Chef dengan perlantikan juara pertama MasterChef Selebriti Malaysia, Dato’ Fazley Yaakob sebagai jurucakap Panasonic Cooking. Berbekalkan pengalaman luas dan populariti beliau, Panasonic yakin bahawa penglibatan beliau dalam pelbagai kempen Pengiklanan dan aktiviti jalanan akan menjana ramai pengikut.

Pengiklanan akan diusahakan secara besar-besaran melalui akhbar-akhbar dan majalah utama bagi meningkatkan kesedaran mengenai Panasonic Cooking. Selain itu, satu Laman Web dalam talian interaktif Panasonic Cooking akan ditubuhkan bagi melancarkan platform komunikasi bagi para konsumen untuk berinteraksi sesama sendiri dan juga bersama ahli wilayah lain berkenaan topik-topik seperti resepi mahupun kemahiran memasak.

Memfokus kepada Keterlibatan Pelanggan, Panasonic berusaha untuk memberi pelanggan kami peluang secara langsung untuk mencuba barisan produk Panasonic Cooking, melalui aktiviti jalanan seperti pameran bergerak dan demonstrasi produk.

Cheng menambah, “Rangkaian Panasonic Cooking adalah salah satu daripada bidang pertumbuhan paling penting bagi kami di Panasonic Malaysia. Dengan pengenalan model-model baru ini, kami menasaskan pertumbuhan sebanyak 40% pada tahun 2015.”

Melalui majlis pelancaran hari ini, Panasonic berhasrat untuk **Memperkayakan Kehidupan Keluarga Warga Malaysia**, dengan rangkaian Panasonic Cooking yang **Membuka Seribu Kemungkinan** untuk **Menjalin Hubungan** demi ikatan yang lebih mesra dan bernilai, bagi memupuk gaya hidup pemakanan **Sihat** dan untuk **Mencipta** sajian baru yang menarik. Panasonic Cooking ingin membawa keseronokan dan kepuasan ke semua isi rumah di Malaysia, sekaligus menepati slogan jenama kami, “Kehidupan yang Lebih Baik menghasilkan Dunia yang Lebih Baik”.

Latar belakang Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd adalah sebuah syarikat jualan, servis dan pemasaran bagi jenama produk elektrik dan elektronik Panasonic merangkumi audio visual, peralatan rumah, pendingin udara, kamera digital dan video, peralatan siaran profesional, sistem perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan hingga ke bateri dan lampu. Semua produk Panasonic ditawarkan melalui pengedar berdaftar kami di seluruh negara. Untuk maklumat lanjut mengenai jenama dan produk Panasonic, sila layari laman web kami di www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di 03-7953 7600.

Untuk rakan media, muat turun siaran akhbar acara dan produk serta foto di www.pmpressroom.com

Hubungan Media: Tan Tih Tjun
Pengurus, Komunikasi dan Penjenamaan Korporat
Jabatan Inovasi Pemasaran
Panasonic Malaysia Sdn Bhd
Tel: 03 7809 7753 Faks: 03 7955 0722
Emel: tihtjun.tan@my.panasonic.com

###